



## SYAIR NABI YUSUF DARI PULAU PINANG

Manuskrip *Syair Yusuf* yang terletak dalam Koleksi H.C. Klinkert (Kl. 59) masih tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden. Manuskrip ini terdiri daripada 50 halaman, berukuran 22 cm x 17 cm dengan dakwat berwarna hitam. Keadaan manuskrip masih sangat baik dengan tulisan Jawi yang sangat jelas, kemas dan mudah dibaca. Syair tersusun dalam dua petak pada satu halaman dengan 17 baris ayat pada setiap halaman. Keseluruhan manuskrip terdiri daripada 418 rangkap syair hasil karangan seorang pengarang bernama Lebai Mamat di Pulau Pinang pada 26 Safar 1276, bersamaan 24 September 1859. Tarikh dan tempat syair dikarang tercatat pada bahagian kolofon seperti berikut (Kl. 59: 50): "Kepada dua puluh enam hari bulan Safar di dalam bandar Pulau Pinang pada sanat 1276."

Satu persoalan timbul apabila membaca judul *Syair Yusuf* dan bukannya *Syair Nabi Yusuf*. Demikian juga dengan watak utama dalam syair yang hanya diberikan nama Yusuf dan bukannya Nabi Yusuf, malah dalam keseluruhan syair, nama Nabi Yusuf langsung tidak wujud

sama sekali. Walau bagaimanapun, keseluruhan cerita *Syair Yusuf* berkisar kepada peristiwa Yusuf yang terkena fitnah Puteri Zuliha sehingga menyebabkan beliau terpenjara. Berkat kesabaran dan ketabahan, Yusuf akhirnya berjaya memadamkan api fitnah tersebut dan seterusnya bebas daripada hukuman penjara.

Persoalan di atas bukanlah satu hal yang tiada jawapannya. Cerita yang dipaparkan dalam *Syair Yusuf* menyamai kisah Nabi Yusuf alaihissalam yang terkenal dalam sejarah Islam dan dalam kalangan masyarakat Melayu. Kisah Nabi Yusuf alaihissalam terakam dalam Quran, surah ke-12 (Surah Yusuf). Isi cerita dalam *Syair Yusuf* berkisar tentang sebahagian daripada sejarah hidup Nabi Yusuf alaihissalam. Malah, tidak salah sama sekali kalau dikatakan *Syair Yusuf* adalah sebenarnya *Syair Nabi Yusuf* yang menceritakan kisah Nabi Yusuf yang terkena fitnah oleh Puteri Zulaikha.

Hingga kini, beberapa versi kisah Nabi Yusuf telah ditulis dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Pada tahun 1999, penerbitan sebuah daripada kisah tersebut telah diusahakan oleh Ali Ahmad dengan judul *Kisah-kisah Nabi Yusuf dalam Kesusasteraan Melayu* berdasarkan sebuah manuskrip yang tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka (MS 105). Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu,

Kuala Lumpur turut memiliki dua buah manuskrip berjudul *Hikayat Nabi Yusuf*, iaitu MS 8 dan MS 266. Sewajarnya naskhah-naskhah yang mengandungi kisah nabi terus mendapat perhatian dan kajian mendalam dalam kalangan sarjana, termasuk naskah yang berhubungan dengan Nabi Yusuf alaihissalam. Manuskrip dan kitab tentang nabi banyak mengandungi pengajaran sejarah dan moral yang relevan sepanjang zaman, terutamanya dalam konteks kehidupan bermasyarakat, bernegara dan beragama pada abad ke-21 ini.

Secara keseluruhannya, isi *Syair Yusuf* lengkap mengandungi bahagian pengenalan, isi cerita dan kolofon. Bahagian pengenalan terdiri daripada beberapa rangkap syair yang memberi puji-pujian kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Pada bahagian pengenalan ini sudah pun memberikan bayangan tentang cerita yang bakal diberikan dalam syair, yang berhubungan dengan Nabi Yusuf, dan bukannya cerita Yusuf yang biasa. Syair kemudiannya diteruskan dengan kisah Zuliha yang jatuh berahi kepada Yusuf hingga terbawa-bawa ke alam mimpinya (Kl. 59, hlm. 2):

*Kisahny Zuliha duduk merawan,  
Daripada hendak mencari kawan,  
Tidur malam igau-igauan,  
Perasaan Yusuf di dalam pangkuan.*

Perasaan berahi Zuliha terhadap Yusuf akhirnya membawa mereka hampir-hampir melakukan perbuatan zina. Walau bagaimanapun, berkat keimanan Yusuf yang kuat, perbuatan zina tersebut telah berjaya dihindarkan, sekali gus mengukuhkan kembali keperibadian Yusuf selaku seorang yang budiman. Pergolakan keimanan Yusuf tersebut diceritakan oleh pengarang melalui beberapa rangkap syair yang mengandungi dialog dengan Yusuf sendiri, antara lain seperti yang berikut (Kl. 59, hlm. 5-6):

*Hati Zuliha hancurlah luluh,  
Tali seluar simpul sepuluh,  
Menahani nafsu sebagai mengeluh,  
Atas keduanya terpancar peluh.*

*"Ayuhi Yusuf yang baik pekerti,  
Mengapa tak mau engkau mewati?,"  
"Aku takut kepada Tuhan Rab al-Izzati,  
Disurat aku melalui titi."*

*"Rupa seperti turun dari kayangan,  
Mengapa engkau tak mau memegangkan tangan?"  
"Aku takut akan Tuhan junjungan,  
Dimasukkannya aku ke dalam timbangan."*

Kekukuhan iman Yusuf sebaliknya tidak berlaku kepada Zuliha yang berasa marah dengan tindakan Yusuf yang menolak kemahuannya. Kemarahan dan perasaan ingin menutup kesalahan diri sendiri akhirnya mendorong niat buruk Zuliha untuk membuat fitnah terhadap Yusuf kepada raja. Yusuf ditangkap dan dibicarakan di hadapan raja oleh tuduhan yang dikemukakan Zuliha bahawa Yusuf ingin memperkosanya (Kl. 59, hlm. 8):

*Zuliha berkata dengan segera,  
"Ayuhi raja apalah bicara,  
Yusuf itu berbuat angkara,  
Baiklah dia dimasukkan penjara."*

*Dia berkata bersungguh hati,  
"Yusuf itu jahat pekerti,  
Hamba pula hendak diwati,  
Hamba kejadi dengan cemeti."*

Raja akhirnya terpedaya dengan kata-kata Puteri Zuliha dan menjatuhkan hukuman penjara kepada Yusuf. Kekuatan iman Yusuf menyebabkan Yusuf reda menerima hukuman tersebut tanpa bantahan. Semasa di dalam penjara, Yusuf tiada berasa sebarang kesakitan atau keseksaan, sebaliknya sentiasa berakwah dan memberikan petunjuk kepada beberapa orang banduan yang berada di dalam penjara (Kl. 59, hlm. 13). Demikianlah sebahagian daripada awal permulaan *Syair Yusuf* karangan Lebai Mamat di Pulau Pinang. Cerita seterusnya berkisar kepada pembebasan Yusuf dari penjara dan pengembaraan hidup baginda yang sentiasa mendapa keberkatan Allah SWT.

Lebai Mamat dalam *Syair Yusuf* mencatatkan bahawa syair yang dikarangnya bukanlah disalin daripada mana-mana buku, sebaliknya hanya berdasarkan cerita yang pernah didengarnya dalam kalangan masyarakat di Pulau Pinang ketika itu. Hal yang demikian ini menunjukkan bahawa cerita lisan berkaitan Nabi Yusuf telah hidup subur dalam kalangan masyarakat Melayu di Pulau Pinang sebagai kisah yang penuh tauladan dan pengajaran. Pada pandangan penulis, Lebai Mamat mungkin ada sebab yang tersendiri semasa mencatatkan sumber syairnya itu sebagai cerita-cerita lisan masyarakat. Dengan mengatakannya begitu, beliau agak "bebas" untuk memberikan judul syairnya sebagai *Syair Yusuf* dan bukannya *Syair Nabi Yusuf*. Pemindahan sebuah kisah hidup seorang nabi ke bentuk syair yang umum boleh menjadi bahan bacaan dan pengajaran kepada masyarakat umum, dan dalam masa yang sama boleh menyelamatkan pengarang daripada



MS Kl. 59 Syair Yusuf  
Karangan Lebai Mamat  
[Sumber: Koleksi Peribadi]

membuat syair yang dikuatiri bersalahan dengan sejarah atau peristiwa sebenar yang terjadi kepada Nabi Yusuf alaihissalam.

Memang sukar sekali untuk menentukan identiti sebenar Lebai Mamat kerana beliau tidak meninggalkan banyak maklumat kepada pembacanya. Panggilan "Lebai" yang digunakan pada pangkal namanya memberikan gambaran tentang kehidupannya yang berdamping dengan agama, mungkin seorang pegawai masjid atau surau, atau mungkin juga seorang guru yang mengajar al-Quran dan sebagainya. Oleh sebab belum menunaikan fardu haji ke Mekah, beliau lebih dikenali sebagai "Lebai" sahaja dalam kalangan masyarakatnya. Melihat kepada tulisan Jawi pada manuskrip Kl. 59 yang kemas, bersih dan halus, boleh mengukuhkan tanggapan kita terhadap kebolehan nya yang pandai Jawi dan kemahirannya dalam menyusun rangkap-rangkap syairnya. Lebai Mamat pasti tidak menduga sama sekali bahawa syair yang dikarangnya kini tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden, satu-satunya syair Melayu yang mempunyai tajuk yang demikian, dan besar kemungkinan syair tersebut tiada mempunyai salinan yang lain lagi.

Sebagai hasil kesusasteraan, *Syair Yusuf* menampilkan berbagai-bagai pengajaran yang boleh dimanfaatkan

oleh masyarakat, khususnya dalam konteks keislaman. Sebuah syair boleh menyampaikan isi dan amanat secara lebih padat dan ringkas berbanding dalam bentuk prosa, apatah lagi dalam bentuk kitab-kitab bertulisan Jawi yang agak sukar dibaca oleh masyarakat umum. Keindahan membaca syair akan lebih terserlah sekiranya rangkap-rangkap yang berima a-a-a-a tersebut dilagukan, termasuk kepada para pendengar dan dalam majlis-majlis keramaian agama. Manuskrip *Syair Yusuf* merupakan sebahagian daripada warisan intelektual agama dan budaya yang pernah mendapat tempat di Pulau Pinang pada pertengahan abad ke-19 yang lalu.

Paling utamanya, isi manuskrip *Syair Yusuf* memberikan pengajaran tentang perbuatan fitnah yang amat dilarang dan dikeji dalam agama Islam. Fitnah akan merosakkan nama baik orang lain, malah juga boleh menyebabkan berlakunya penganiyaan dan kemusnahan hidup kepada orang yang kena fitnah. Fitnah boleh menimbulkan pelbagai keburukan lain seperti dendam, meruntuhkan institusi keluarga dan perpecahan dalam masyarakat. Oleh itu, selaku pengarang, Lebai Mamat telah memainkan peranannya dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat akan bahaya fitnah dengan mengambil iktibar daripada peristiwa fitnah yang pernah dialami Nabi Yusuf alaihissalam. Berbekalkan bakat dan daya kreativiti nya, Lebai

Mamat telah berjaya membuat olahan semula terhadap peristiwa fitnah tersebut sebagai medium pengajaran masyarakat dalam bentuknya yang indah, tersurat dan tersirat.

Di samping kepandaian mengarang syair, Lebai Mamat turut memiliki kearifan yang lain, iaitu membuat ilustrasi pada halaman manuskrip. Pada halaman 1, 2, 49, dan 50 manuskrip Kl. 59 terdapat hiasan bunga-bunga berwarna merah, kuning keemasan, biru, dan putih yang cukup menarik. Walaupun hanya dalam empat halaman, hiasan ilustrasi yang berwarna-warni itu sudah boleh memberikan gambaran tentang kepandaian dan bakat seni yang dimiliki oleh Lebai Mamat, orang Pulau Pinang yang mengarang syair pada tahun 1859 ini. Antara lain, seni ilustrasi memerlukan seorang pengarangnya atau pelukisnya mengetahui cara membuat banchuan warna, pemilihan warna yang sesuai, membentuk gubahan, hiasan dan sebagainya. Yang berikut ini diturunkan bahagian akhir *Syair Yusuf* nukilan Lebai Mamat yang mengandungi rangkap yang menyatakan namanya sebagai pengarang syair (Kl. 59, hlm 48):

*Karangan ini sudahlah direntikan  
Tiada dapat lagi ditentukan  
Entah ia entah pun bukan  
Barang yang salah minta maafkan.*

*Inilah surat karang-karang  
Fakir yang hina empunya bekas tangan  
Jika tiada hayat berpanjangan  
Boleh menjadi kenang-kenangan.*

*Akan karangan Lebai Mamat  
Perkataan ini kurang hormat  
Kerana mengarang sebab tak jimat  
Melainkan ampun dengan rahmat.*

MS Kl. 59 *Syair Yusuf* Karangan Lebai Mamat [Sumber: Koleksi Peribadi]

K  
K  
A  
D

